

Meningkatkan Kosakata Pelajar melalui Cerita Rakyat dan Pemikiran Kritis

Fawziah Ali

fawziah_ali@schools.gov.sg

Noranika Murni Dol Karim

noranika_murni_dol_karim@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Compassvale

Abstrak

Penguasaan kosakata yang terhad dan lemahnya daya berfikir secara kritis menjadi hambatan kepada pelajar sudah pasti akan menjadi hambatan kepada proses pembelajaran abad ke-21. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan cerita-cerita rakyat dalam meningkatkan penguasaan kosakata dan pemikiran kritis pelajar kita. Dalam kajian ini, strategi CeRA gabungan Citra Minda yang diguna pakai untuk memperkenalkan cerita rakyat (RA) kepada pelajar dengan menggunakan wadah e-pedagogi seperti *Escape Room* dalam portal SLS. Dapatan kajian menunjukkan strategi CeRA berjaya membina kosakata pelajar dan membantu mengaplikasikan pemikiran kritis dalam membangunkan kosakata pelajar dan melestarikan cerita-cerita rakyat.

Kata Kunci: cerita rakyat, kosakata, pengajaran dan pembelajaran, pemikiran kritis

PENGENALAN

Kemahiran abad ke-21 yang merangkumi kecekapan kemahiran berfikir merupakan kemahiran yang perlu untuk dikembang dalam masyarakat yang berpengetahuan luas ini. Secara am, kemahiran abad ke-21 termasuk kolaborasi, komunikasi, celik digital, penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, kreativiti dan produktiviti (Voogt & Roblin, 2012). Cerita rakyat merupakan bahan bacaan yang boleh membantu pelajar dalam memperluaskan kosa kata mereka agar dapat membantu mereka dalam mempertingkatkan kemahiran bertutur dan menulis. Cerita rakyat boleh dianggap sebagai ekspresi budaya sesebuah masyarakat melalui bahasa pertuturan yang berkaitan langsung dengan pelbagai aspek budaya dan susunan nilai sosial masyarakat tersebut.

Salah satu kaedah yang boleh dipilih oleh guru ialah e-pedagogi melalui wadah portal *Student Learning Space* (SLS) dan Web 2.0. Cerita rakyat berguna kepada guru sebagai bahan mengajar kerana pelajar pasti tertarik untuk mempelajari bahasa Melayu jika guru menggunakan kisah-kisah yang terdapat dalam cerita rakyat. Cerita rakyat juga boleh dijadikan wadah penyampaian sejarah silam mengenai kepercayaan dan perlakuan. Pelajar mampu menguasai bukan sahaja pengetahuan berbahasa tetapi juga penggunaan serta mendapat peluang mendengar dan menggunakan bahasa Melayu dengan cara yang menarik.


Pembelajaran e-pedagogi pula dapat mencetus pemikiran kritikal sekali gus mencapai pembelajaran yang diingini (Jonassen, 2008). Chai dan Tan (2010) pula berpendapat bahawa e-pedagogi menggalakkan pembelajaran sendiri dan kolaboratif dalam PdP. Justeru, e-pedagogi ini diharap dapat memberikan ruang pembelajaran interaktif kepada pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan satu ujian diagnostik prakajian, pelajar Menengah 1 Ekspres didapati mempunyai penguasaan kosa kata yang sangat lemah. Pelajar diberikan sebanyak 6 set perkataan yang mengandungi 10 patah perkataan bagi setiap set. Rujuk Rajah 1 bagi peratusan kosa kata yang difahami pelajar.



Rajah 1. Peratusan Kosa Kata Yang Difahami Pelajar



Dalam tinjauan yang dijalankan, pelajar juga didapati tidak suka membaca atau meminjam bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Rujuk Jadual 1 berdasarkan dapatan ujian diagnostik dan tinjauan pelajar, kajian ini dijalankan.

Jadual 1: Tinjauan Ke Atas Pelajar Menengah 1 Ekspres 2020 (N=25)

No.	Soalan	Ya	Tidak
1	Saya membaca bahan bacaan dalam Bahasa Melayu (buku/ akhbar/majalah atau lain-lain) sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.	9	16
2	Saya meminjam buku bahasa Melayu dari perpustakaan (luar/ sekolah) sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.	3	22

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu; dan
2. mengintegrasikan unsur-unsur pembelajaran sendiri dan kolaboratif serta kemahiran berfikir khususnya pemikiran kritis.

KAJIAN LEPAS

Winn (2004), Dewey (1933) serta Rosnani dan Suhaila (2003) berpandangan bahawa strategi yang terbaik bagi seseorang pelajar itu berfikir kritikal adalah ketika guru menimbulkan bahan perbincangan atau soalan yang

menyuntik minda pelajar tersebut agar berupaya berfikir secara kritikal isu yang dikemukakan itu. Strategi sebegini pasti berjaya menggalakkan fikiran pelajar bekerja keras untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan yang telah ditimbulkan oleh guru tersebut.

Untuk menjadikan sesuatu teks itu menarik, penulis harus menggunakan kosa kata yang berbeza, dengan sedikit pengulangan kata-kata yang sudah digunakan (Johansson, 2009). Cerita rakyat menyediakan bahan bacaan yang autentik yang memberi peluang kepada pelajar menghayati cerita rakyat. Tanpa kosa kata, tiada komunikasi, membaca dan menulis yang boleh disampaikan kepada khalayak ramai. Justeru itu, amatlah mustahak untuk membangunkan kosa kata dalam kalangan pelajar. Ini dapat dilihat melalui aplikasi Legenda Singapura yang dihasilkan Pusat Bahasa Melayu Singapura untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu di sekolah rendah. Pelbagai aktiviti pembelajaran bahasa yang melibatkan kosa kata disediakan dalam aplikasi ini. Ini sudah pasti membantu guru mendedahkan kosa kata yang pelbagai kepada murid-murid di sekolah rendah melalui cerita-cerita rakyat Singapura.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan strategi CeRA yang menggalakkan pemikiran kritikal dalam aktiviti pembangunan kosa kata yang dijalankan di dalam bilik darjah serta Pembelajaran di Rumah (HBL). Guru menerapkan strategi CeRA dalam PdP bahasa Melayu kepada pelajar Menengah 1. Alat-alat PdP termasuklah templat Citra Minda untuk pembelajaran kosa kata atau membina kata terbitan dan merekayasa 'Pintalan Cerita Rakyat'. Perekayasaan ini boleh juga dilakukan dalam talian '*Diamante*'. Selain itu, *Escape Room* merupakan salah satu permainan dalam pendidikan (*game-based learning*) yang mengaplikasikan pemikiran kritikal sewaktu pelajar menyelesaikan tugas yang diberikan di portal SLS. Keseronokan pelajar dalam memperoleh jawapan yang betul memberikan pelajar pengalaman positif dalam menangani cabaran. Kajian ini dijalankan sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2020. Projek ini mengambil masa 7 waktu pengajaran Bahasa Melayu. Sila rujuk Jadual 2 bagi pelaksanaan kajian.



Jadual 2. Jadual Pelaksanaan Kajian

No.	Tarikh	Isi Pelajaran
1	9 Januari 2020	Tinjauan Pelajar untuk menentukan hala tuju projek 2020
2	15 Januari 2020	Diagnostik Kosa kata untuk mengetahui jumlah kosa kata yang diketahui pelajar
3	10 Februari 2020	Pelajaran 1: Pengenalan pada 6 Cerita Rakyat Singapura
4	17 Februari 2020	Pelajaran 2: Perbincangan dan perkongsian oleh pelajar mengenai cerita rakyat pilihan mereka
5	21 Februari 2020	Pelajaran 3: Pengenalan kepada Citra Minda dan buku kecil Cerita Rakyat Singapura
6	2 Mac 2020	Pelajaran 4: Perbincangan kedua Cerita Rakyat dengan menggunakan Citra Minda
7	13 April 2020	Pelajaran 5: Pembelajaran di rumah (HBL) - perbincangan ketiga Cerita Rakyat melalui SLS
8	20 April 2020	Pelajaran 6: Aktiviti <i>Escape Room</i> (HBL)
9	12 Oktober 2020	Pelajaran 7: Aktiviti 'Pintalan Cerita Rakyat'
10	16 Oktober 2020	Pasca Projek, Tinjauan dan Maklum balas Cerita Rakyat Singapura

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 25 orang pelajar Menengah 1 aliran Ekspres.

Instrumen Kajian

Instrumen-instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah:

Citra Minda – latihan interaktif *Diamante* untuk menarik perhatian dan meningkatkan keseronokan belajar dalam kalangan pelajar. Alat bantu mengajar ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir secara kritis dan mencari perkataan yang sesuai untuk diisikan ke dalam templat Citra Minda ini. Pelajar dapat melihat hasil kerja mereka serta-merta dan mereka diberi peluang untuk memperbaiki Citra Minda mereka jika hasil Citra Minda mereka tidak mengikut bentuk berlian. Ciri ini menggalakkan pelajar agar tidak berputus asa dan terus mencuba sebaik mungkin.

Buku kecil Cerita Rakyat Singapura – Ada 6 cerita rakyat tempatan yang telah dikumpulkan oleh guru pengkaji untuk dijadikan sebuah buku kecil (*booklet*). Cerita-cerita rakyat tempatan yang dikumpulkan dalam buku kecil ini ialah:

1. Badang
2. Sang Nila Utama
3. Radin Mas Ayu
4. Singapura Dilanggar Todak
5. Bukit Merah
6. Pulau Subar Laut dan Pulau Subar Darat (Sisters' Islands)

Portal SLS – Portal SLS memang sesuai digunakan secara giat dalam projek ini terutama pada waktu pemutus rantaian jangkitan COVID-19 ketika projek ini dijalankan.

Pintalan Cerita Rakyat – menggalakkan pelajar mengaplikasi pemikiran kritis dalam mencari idea dan kosa kata yang boleh diisikan ke dalam templat Citra Minda ini. Kaedah ini mempamerkan bagaimana pelajar mempraktikkan pemikiran kritis dalam mengembangkan kosa kata mereka. Pelajar kemudian menulis perenggan penutup bagi cerita rakyat pilihan pelajar, tajuk yang dipilih dari buku kecil Cerita Rakyat Singapura. Hasil dapatan pemikiran kritis akan dianalisis dari ‘Pintalan Cerita Rakyat’ dan jumlah kosa kata yang pelajar pelajari sepanjang projek ini, akan dianalisis dengan jumlah peratusan.

Skema pemarkahan yang digunakan untuk menyemak perenggan penutup pelajar ialah bahagian Bahasa skema pemarkahan karangan di sekolah menengah yang disesuaikan oleh guru projek ini. Hanya bahagian kosa kata sahaja yang diambil sebagai skema pemarkahan ‘Pintalan Cerita Rakyat’. Skema pemarkahan ini diguna pakai untuk mengelakkan berlakunya berat sebelah ketika menyemak tugasan pelajar.

Pelajar diberikan 3 soalan tinjauan untuk menentukan alat bantu mengajar yang sesuai dan diminati pelajar. Tinjauan menunjukkan pelajar lebih gemar membaca cerita rakyat daripada senarai jenis buku yang diberikan



dalam tinjauan. Justeru, cerita rakyat telah dipilih sebagai alat bantu PdP kosa kata untuk pelajar menengah 1 ini. Senarai kosa kata diambil dari buku kecil Cerita Rakyat Singapura. Kelas seterusnya dimulai dengan perbincangan dan perkongsian oleh ahli kumpulan mengenai cerita rakyat. Setelah memperkenalkan pelajar dengan buku kecil Cerita Rakyat Singapura dan Citra Minda, pelajar mula membangun kosa kata mereka berbandukan buku kecil Cerita Rakyat Singapura dan alat bantu Citra Minda.

Sekali seminggu, pelajar akan mendaftarkan diri (*check-in*) dengan kosa kata yang telah mereka fahami dari buku kecil Cerita Rakyat Singapura yang diberi kepada setiap pelajar. Seterusnya, pelajar dikehendaki mencari perkataan sukar dalam buku kecil Cerita Rakyat Singapura dan mengisikannya ke dalam templat Citra Minda. Satu templat Citra Minda untuk setiap kisah cerita rakyat yang terdapat dalam buku kecil Cerita Rakyat Singapura. Kegiatan ini berupa latihan sendiri dan kadangkala dijadikan sebagai tugas kolaboratif.


Aktiviti pembangunan kosa kata termasuk juga membina kata terbitan bagi kata dasar yang dipilih dari buku kecil tersebut. Aktiviti-aktiviti ini diharap dapat membantu meluaskan kosa kata pelajar melalui cerita rakyat.

Perbincangan cerita rakyat disambung dalam talian ketika waktu pemutus rangkaian jangkitan (*Circuit Breaker*) berkuatkuasa di seluruh sekolah di Singapura, bermula pada 8 April 2020. Pelajar diberi tugas secara sendiri sewaktu Pembelajaran di Rumah (HBL). Projek ini disambung semula pada waktu program pascaperiksaan akhir tahun dengan pelajar menulis 'Pintalan Cerita Rakyat' di portal SLS. Pelajar dikehendaki mengaplikasikan pemikiran kritis sewaktu melakukan aktiviti ini. Setelah itu, pelajar diberi senarai kosa kata yang sama dari ujian diagnostik untuk guru mengetahui jumlah perkataan yang pelajar sudah ketahui dan fahami. Ini merupakan pascaprojek. Pelajar juga diberi maklum balas bagi mengetahui keberkesanan strategi CeRA dalam projek ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi mengukur sejauh mana pelajar telah dapat meningkatkan penguasaan kosa kata mereka setelah melakukan aktiviti ini, satu ujian telah dijalankan. Apa yang dapat dirumuskan berdasarkan analisis peratusan kosa kata yang difahami pelajar, jelas menunjukkan kosa kata pelajar dapat ditingkatkan melalui penggunaan strategi CeRA. Peningkatan penguasaan kosa kata ini dapat dilihat dengan ketara berdasarkan Rajah 2 yang membandingkan pemahaman kosa kata pelajar semasa Prakajian dan Pascakajian.


Rajah 2. Perbandingan Peratusan Kosa Kata Yang Difahami Pelajar Prakajian Dan Pascakajian



Di samping itu, cerita rakyat dapat membantu pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu di sekolah berfikir secara kritikal terutama sekali dalam mencari kosa kata yang sesuai ketika menulis 'Pintalan Cerita Rakyat'. Dapatan daripada 'Pintalan Cerita Rakyat' (rujuk Rajah 3) memberikan guru gambaran keberkesanan projek yang dijalankan dengan 72% memaparkan kebolehan menggunakan kosa kata yang sesuai dan pelbagai (Band 2 Atas dan Band 1).




Rajah 3: Analisis 'Pintalan Cerita Rakyat'



Hasil dapatan pasca projek dan 'Pintalan Cerita Rakyat' juga menunjukkan bahawa terdapat bukti kemahiran berfikir abad ke-21 iaitu pemikiran kritikal giat diguna pakai oleh pelajar di sekolah dalam meluaskan kosa kata mereka. Pengaplikasian pemikiran kritikal dalam peluasan kosa kata jelas memberi kesan yang lebih baik dalam kalangan pelajar sekolah Menengah 1. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa mengaplikasikan pemikiran kritis dalam pembangunan kosa kata melalui cerita rakyat telah membantu meningkatkan kreativiti responden dalam menghasilkan perenggan penutup yang berbeza bagi cerita rakyat pilihan mereka.

Berdasarkan maklum balas pelajar, Citra Minda dianggap berguna dan berkesan dalam merekayasa perenggan penutup mereka. Kesimpulannya, dapatan pascakajian dan maklum balas pelajar membuktikan bahawa mereka berpuas hati dengan buku kecil Cerita Rakyat Singapura yang menggalakkan pemikiran kritikal dan membantu dalam pembangunan kosa kata mereka. Justeru itu, penggunaan cerita rakyat berkesan dalam pengajaran pembelajaran dan dapat mempengaruhi minat serta motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Rujuk Rajah 4 di bawah ini yang membuktikan keseronokan pelajar menjalani projek ini.

Rajah: Maklum Balas Pelajar



Cerita rakyat ternyata memberi implikasi yang tinggi kepada keberkesanan projek ini. Hasil dapatan projek ini menunjukkan pelajar dalam projek ini serius dalam PdP kosa kata. Kepelbagaian fungsi cerita rakyat dalam PdP sebagai bahan bantu mengajar, pemangkin kemahiran kritikal.

Analisis penilaian kuantitatif telah menunjukkan peningkatan dalam mengaplikasikan pemikiran kritis dengan menggunakan cerita rakyat. Kemahiran berfikir abad ke-21 ini sememangnya perlu digarap oleh setiap pelajar agar terus menjadi budaya pembelajaran dalam kehidupan pelajar. Jika strategi ini dikekalkan oleh guru kelas, sudah tentu teknik yang diajar boleh dijadikan sebagai budaya berfikir dan diintegrasikan ke dalam pembelajaran mata pelajaran yang lain.

Daripada analisis serta hasil dapatan kajian, tidak dapat dinafikan bahawa cerita rakyat merupakan satu sumbangan kajian yang penting kepada pemikiran kritikal dalam membangunkan kosa kata bahasa Melayu. Pelajar telah giat mengguna pakai Citra Minda dalam merekayasa penulisan perenggan penutup mereka dengan mengaplikasikan pemikiran kritikal.

Seterusnya, hasil dapatan kajian mengenai pemikiran kritis telah menambah nilai kemahiran berfikir abad ke-21. Kemahiran berfikir ini diajar secara sedar dalam kajian ini. Pemikiran kritikal dalam projek ini boleh dijadikan sebagai aras ukur dan rujukan untuk kajian selanjutnya yang menyentuh kemahiran berfikir. Tahap kognitif pelajar telah berjaya dipertingkatkan dengan



cerita rakyat berdasarkan analisis data yang telah dijalankan dari pascakajian dan ‘Pintalan Cerita Rakyat’. Pelajar telah berjaya mengaplikasikan pemikiran kritis dalam perekaayaan penulisan kreatif, sekali gus memperbaiki bahasa Melayu mereka. Telah jelas projek ini boleh dijadikan sumber ilmu dan sumber tambahan kepada guru di sekolah menengah mahupun di sekolah rendah.

Implikasi-implikasi projek ini bersifat meluas, iaitu menggunakan cerita rakyat bukan hanya memberi implikasi kepada PdP Bahasa Melayu, malah kemahiran berfikir iaitu pemikiran kritikal yang diintegrasikan ke dalam PdP ini menyentuh juga bidang yang lebih luas iaitu sistem pendidikan di Singapura.

KESIMPULAN

PdP yang mengguna pakai bahan cerita rakyat mengintegrasikan pemikiran kritikal yang sememangnya boleh menambah pengetahuan pelajar, membina kecekapan ikhtisas serta meninggikan kefahaman dan kemahiran pelajar tentang prinsip-prinsip dalam pembangunan kosa kata. Kajian juga berandaian bahawa Citra Minda berfungsi sebagai perancah pemikiran kritis dalam membangunkan kosa kata. Setelah menganalisis instrumen projek dan data kuantitatif, projek ini ternyata memberikan penanda aras kepada keberkesanan dan kesepaduan antara pemikiran kritis dengan pembangunan kosa kata. Elemen-elemen ini dapat menjana PdP yang berkesan dalam bahasa Melayu. Guru memainkan peranan penting dalam membantu pelajar berfikir secara mendalam untuk mendapatkan kosa kata yang paling sesuai diisikan ke dalam templat Citra Minda.

Kendatipun begitu, keterbatasan projek juga timbul, contohnya, saiz subjek kajian yang kecil. Selain itu, waktu HBL yang berlaku pada awal bulan April menjejaskan keberkesanan PdP ini. Namun begitu, projek ini dapat diteruskan dengan adanya portal SLS. Mengintegrasikan penggunaan ICT dan kolaborasi antara rakan kelas menjimatkan masa terutama pada waktu HBL. Ciri-ciri ini juga dapat memenuhi keperluan pelajar dan melibatkan pelajar secara aktif serta meningkatkan kemahiran bahasa dan pengetahuan budaya mereka melalui cerita rakyat.



Berdasarkan hasil dapatan projek ini, beberapa cadangan untuk dikaji pada masa akan datang telah dikenal pasti. PdP cerita rakyat boleh diperluaskan ke peringkat yang berbeza, contohnya di peringkat sekolah rendah mahupun prasekolah kerana kemahiran berfikir ini boleh diterapkan ke dalam diri pelajar muda seawal mungkin dengan mengguna pakai cerita rakyat Singapura atau Nusantara. Kajian tambahan serupa ini perlu diusahakan untuk menyediakan dimensi baharu ke atas peranan cerita rakyat. Sudah pastinya, apabila kumpulan pelajar yang sama memasuki sekolah menengah, mereka juga boleh dianggap telah mahir dalam pemikiran kritikal.

PdP cerita rakyat merupakan satu usaha kreatif yang berfungsi untuk membangunkan kosa kata pelajar. Dengan ini, projek ini berupaya menarik minat pelajar untuk terus mempelajari subjek bahasa Melayu dengan cara yang berinovatif.

RUJUKAN

Bransford, J.D., Brown, A.L. & Cocking, R.R. (2000). How people learn. Brain, mind, experience and school. Expanded Edition. Washington. D.C.: National Academy Press.

Chai C.S. & Tan S.C. (2010). Computer-supported collaborative learning for knowledge creation dipetik daripada artikel Collaborative Learning & ICT, Chao, C.S., & Tan, S.C., Ed Chai, C.S. & Wang Qiyun, ICT For Self-Directed and Collaborative Learning, Prentice-Hall, 2010.

Danandjaja, J. (1984). Folklor Indonesia: Ilmu Gosip, Dongeng, dan Lain-Lain. Jakarta: PT Temprint.

Dewey, J. (1933). *How We Think: A Restatement of the Relation of Reflective Thinking to the Educative Process*. Boston, MA: D.C. Heath & Co Publishers.

Ennis, R. H. (1993). Critical thinking assessment. *Theory Into Practice*, 32(3), 179-186.



- Halpern, D. F. (1998). Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *The American Psychologist* 53(4), 449-455.
- Hutomo, S.S. (1991). Mutiara yang Terlupakan: Pengantar Studi Sastra Lisan: Surabaya. HISKI Komisariat Jawa Timur.
- Iris, T. (1969). A New Poetry Form: The Diamante. *Elementary English*, 46(5), 588-589.
- Johansson, V. (2009). Lexical Diversity and Lexical Density in Speech and Writing: A Developmental Perspective. *Working Papers in Linguistics*, 53, 61-79.
- Kamsiah Abdullah. (1994). *The Critical Reading and Thinking Abilities of Malay Secondary School Pupils in Singapore*. Thesis Ph.D University of London.
- Kim, K., Trimi, S., Park, H., & Rhee, S. (2012). The impact of CMS quality on the outcomes of elearning systems in higher education: An empirical study. *Decision Sciences Journal of Innovative Education*, 10(4), 575-587.
- Kirk, S. A., Kirk, W. D., & Minskoff, E. H. (1985). *Phonic remedial reading drills*. Novato, CA: Academic Therapy Publications.
- Kridalaksana & Soedjito (1994) dalam Tarigan, H.G. (1994). Menulis sebagai suatu keterampilan berbahasa. Bandung: Angkasa.
- Marin, L. M., & Halpern, D. F. (2011). Pedagogy for developing critical thinking in adolescents: Explicit instruction produces greatest gains. *Thinking Skills and Creativity*, 6, 1-13.
- Paul, R. W. (1987). Dialogical thinking: critical thought essential to the acquisition of rational knowledge and passions. In Baron, J. B. &

Sternberg, R. J. (Eds.). *Teaching Thinking Skills: theory and practice*. New York: Freeman W. H. and Company.

Rosnani Hashim & Suhailah Hussein. (2003). *The teaching of thinking in Malaysia*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.

Royalty, J. (1995). The Generalizability of Critical Thinking: Paranormal Beliefs versus Statistical Reasoning. *The Journal of Genetic Psychology*, 156(4), 477- 487.

Rupley, W.H., Logan, J.W., & Nichols, W.D. (1999). *Vocabulary instruction in a balanced reading program*. *The Reading Teacher*. 52, 338-347.

Singapura. (2011). *Sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011*. Singapura: Curriculum Planning & Development Division.

Voogt, J., & Roblin, N. P. (2012). A Comparative Analysis of International Frameworks for 21st Century Competences: Implications for National Curriculum Policies. *Journal of Curriculum Studies*, 44(3), 299–321.

Winn, I. J. (2004). The High Cost Of Uncritical Teaching. *Phi Delta Kappan*, 85(7), 496-497.

